




KENYATAAN AKHBAR



KETUA PENGARAH

**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB),
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MENGENAI PROJEK KILANG SOLAR PANEL**

30 Mac 2012

LATARBELAKANG ISU

Perkara ini merujuk kepada artikel dalam *The Star* 25 Mac 2012 yang memetik artikel berikut dalam *The Mole* bertarikh 24 Mac 2012:

PENJELASAN OLEH AELB

1. Artikel dalam *the Mole* yang merujuk kepada kenyataan Ketua Pengarah AELB mengenai projek solar panel di Batu Kawan Pulau Pinang adalah kurang tepat dan telah menimbulkan kekeliruan kepada pihak tertentu.
2. Ketua Pengarah AELB ada memaklumkan *the Mole* pada 21 Mac 2012 bahawa setakat tarikh tersebut AELB tidak menerima sebarang permohonan yang mengisytiharkan kilang ini akan mengguna atau menghasil bahan radioaktif. Sekiranya kilang ini tidak mengguna

atau menghasilkan sebarang bahan radioaktif, maka syarikat tidak perlu mendapatkan lesen daripada AELB untuk beroperasi.

3. Secara umumnya, kilang solar panel tidak menghasilkan atau mengeluarkan bahan radioaktif, justeru itu tidak tertakluk kepada Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Namun demikian kilang tersebut masih perlu mematuhi undang-undang yang dikuatkuasa oleh pihak berkuasa lain yang relevan.
4. Walau bagaimanapun, sekiranya kilang solar panel ini bercadang untuk menggunakan sebarang radas (*apparatus*) atau tolok (*gauge*) yang menggunakan punca radioaktif terkedap (*radioactive sealed source*) atau radas untuk tujuan tentukuran atau pengukuran produk dalam proses kawalan mutu, maka ia akan tertakluk kepada Akta 304 dan perlu memohon lesen dari AELB untuk menggunakan alat tersebut.
5. AELB akan memastikan Akta 304 dipatuhi sekiranya mana-mana kilang bercadang untuk menggunakan peralatan sinaran (*apparatus* dan *gauge*) dalam operasinya.

Sekian.